



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGUASAAN TULISAN JAWI DI KALANGAN PELAJAR UPM**

**AZIAH BINTI ISMAIL**

**FBMK 2000 6**

**PENGUASAAN TULISAN JAWI DI KALANGAN PELAJAR UPM**

**AZIAH BINTI ISMAIL**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2000**



**PENGUASAAN TULISAN JAWI DI KALANGAN PELAJAR UPM**

**Oleh**

**AZIAH BINTI ISMAIL**

**Tesis ini Disediakan bagi Memenuhi Keperluan untuk Mendapatkan Ijazah  
Master Sastera di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia**

**Mei 2000**



## Dedikasi

Pesanan ayahanda

‘ apa yang kau usahakan itu yang kau dapat ’

Pesanan seorang abang yang telah pergi

‘ abang percaya sepenuhnya

bahawa di suatu hari nanti adik pastikan berjaya

penuh kecemerlangan

Pesanan seorang guru

‘ hidup ini bukan satu pelarian  
tetapi satu perjuangan ’

Pesanan suami tercinta

‘ anugerah itu nanti amat bererti

buat kita sekeluarga

sama-sama kita berusaha

untuk menjadikannya satu realiti ’

dan pesanan dari mereka di UPM

‘ jangan putus asa

teruskan usaha

anda mampu lakukan

Untuk itu semua

terima kasih tidak terhingga

segala-galanya daripada izin-Nya juga

dan pasti

jutaan doa dan syukur ke hadrat Ilahi

Terima kasih sekali lagi untuk suami, along, angah, dan adik

juga untuk kalian dan Inan khasnya

kerana doa dan dorongan

kerana pengorbanan tidak terhingga

IDHAM/UPM/2000

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

## **PENGUASAAN TULISAN JAWI DI KALANGAN PELAJAR UPM**

Oleh

**AZIAH BINTI ISMAIL**

**MEI 2000**

**Pengerusi : Mohd. Hussein Baharuddin, Ph.D**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini dijalankan dengan tujuan memperoleh maklumat tentang penguasaan tulisan Jawi di kalangan pelajar UPM. Responden kajian ini terdiri daripada 160 orang pelajar UPM bagi semester Mei sesi 1999 / 2000 yang mempunyai pelbagai latar belakang tulisan Jawi dan sedang mengikuti program Bacelor daripada pelbagai fakulti. Mereka mengambil kursus BBM 3402 Sistem Tulisan Jawi .

Latar belakang pendidikan Jawi responden diketahui menerusi jawapan borang soal selidik. Sementara itu, ujian penguasaan kemahiran Jawi digunakan untuk melihat penguasaan tulisan Jawi pelajar dalam beberapa aspek. Aspek-aspek tersebut termasuk kemahiran membaca Jawi, kemahiran menulis Jawi dan kemahiran mengeja Jawi. Seterusnya, kajian ini menggunakan teori Carney yang mengemukakan dua pendekatan untuk menghuraikan permasalahan ejaan, iaitu Filologi dan Fungsian. Dalam kajian ini, kedua-dua pendekatan tersebut iaitu Filologi dan Fungsian diaplikasi dan diubah suai bagi tujuan menghuraikan permasalahan sistem ejaan Jawi.

Dapatan telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar melakukan kesalahan ejaan dalam beberapa aspek ejaan seperti penggunaan huruf Jawi, pengejaan mengikut hukum, pengejaan mengikut pola dan pengejaan berimbuhan.

Kumpulan responden daripada latar belakang Pendidikan Tidak Formal didapati melakukan kesalahan yang lebih besar jumlahnya berbanding kumpulan responden daripada Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Sekolah Agama dan Maktab Perguruan. Dapatan juga menunjukkan bahawa kesalahan aspek imbuhan paling banyak dilakukan oleh pelajar yang menjadi responden kajian ini. Ini diikuti oleh aspek jenis ejaan Jawi daripada akronim dan homografi. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa keseluruhan pelajar yang mengikuti program BBM 3402 masih mempunyai minat terhadap tulisan Jawi.

Antara cadangan yang boleh dilakukan ialah para pelajar harus didedahkan dengan peraturan-peraturan mengeja Jawi secara lebih terancang dan konsisten dalam pengajaran dan pembelajaran. Sistem ejaan Jawi terkini iaitu Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan harus dikuasai. Selain itu, penyeragaman dalam aspek ejaan yang lebih mantap harus diusahakan melalui kajian dan penyelidikan. Seterusnya, pelajar-pelajar perlu digalakkan menggunakan sistem ejaan Jawi yang baru ( SEJYD ) dalam penulisan mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the degree of Master of Arts.

**MASTERY OF JAWI SCRIPT AMONG UPM STUDENTS**

By

**AZIAH BINTI ISMAIL**

**MAY 2000**

**Chairman : Mohd. Hussein Baharuddin, Ph.D.**

**Faculty : Modern Language and Communication**

The purpose of this study is to examine the extent of mastery of the Jawi script among University Putra Malaysia (UPM) students. Respondents in this study are 160 students attending their 1999 / 2000 May session at UPM. They are students from various faculties studying BBM 3402 - the Jawi Script System.

Information about the respondent was obtained through questionnaires, while the Jawi mastery test was used to obtain the information concerning respondents' mastery of the Jawi script with regards to aspects such as reading, writing, and spelling skills.

In this study, the approaches of Carney's theory namely Philological and Functional are used to analyze errors in Jawi spelling produced by respondents. Results obtained from this study show a high frequency of errors in the areas of spelling such as the affixes, acronym, homograph, Arabic loan words and closed syllable /a/.



Respondents from non-formal learning background were found to have a higher frequency of errors compared to respondents from the Primary and Secondary School, Religious School, and Teachers College background. Findings of the study also showed that the most frequent error made by the respondents was in the affixes. This was followed by the frequency of errors in the aspects of acronym and homograph of Jawi. The study also found that respondents had a high degree of interest in Jawi.

It is recommended that students be given more exposure in the Jawi rules of orthography in a more well planned and consistent teaching and learning of the subject. The most current Jawi orthographic system i.e the Updated Jawi Spelling System ( Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan- SEJYD) must be mastered by students. There should be uniformity in Jawi spelling which can be achieved through extended research and the further studies in this field. Finally, students must be encouraged to use the Updated Jawi Spelling System ( Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan - SEJYD) in their spelling.

## PENGHARGAAN

مَلَکُ اللّٰہِ

Syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyempurnakan tesis yang bertajuk ‘Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Pelajar UPM’ walaupun beberapa kesusahan dan rintangan terpaksa dihadapi.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya menyiapkan tesis ini, terutamanya kepada Dr. Haji Mohd. Hussein Hj. Baharuddin selaku penggerusi jawatankuasa penyeliaan, Dr. Ahmad Mahmood Musanif dan Dr. Noor Aina Dani yang sama-sama memberikan tunjuk ajar, membaca, menyemak dan memberikan nasihat serta motivasi untuk meningkatkan mutu tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada pihak Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, khususnya Dekan, Profesor Dr. Hj. Amat Juhari bin Moain yang sentiasa memberi kerjasama sepanjang pengkaji berada di UPM. Terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Haji Mohd. Hussein Hj. Baharuddin, selaku pensyarah BBM 3402 Sistem Tulisan Jawi yang telah memberi keizinan kepada pengkaji menggunakan pelajar-pelajar kursus tersebut sebagai responden kajian.

Jutaan terima kasih tidak terhingga buat suami tercinta ‘Roslan Peral’ serta anak-anak, Hanum, Faiz dan Ehsan yang cukup banyak bersabar dan sentiasa bersedia memberi apa jua bentuk sokongan dalam usaha saya menyiapkan tesis ini. Tanpa mereka, penulisan ini sukar mencapai tahap yang dikehendaki. Akhir sekali, terima kasih buat Inan, baktimu akan dikenang selamanya . Hanya Allah sahajalah yang dapat memberi ganjaran dan balasan yang setimpal dengannya.

Sekian. Terima kasih

AZIAH BINTI ISMAIL

PGS Februari 2000


Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Aziah bt Ismail telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 11 Mei 2000 untuk menilai tesis Master Sastera beliau yang bertajuk "Penguasaan Tulisan Jawi di Kalangan Pelajar UPM" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah lanjutan) 1981. Jawatankuasa memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut :

Halimah Hassan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

Mohd. Hussein b. Baharuddin, Ph.D  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

Ahmad Mahmood Musanif, Ph.D  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

Noor Aina bt. Dani, Ph.D  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

  
MOHD. GHAZALI MOHAYIDIN, Ph. D.  
Profesor  
Timbalan Dekan Pusat Pengajian siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 01 JUN 2000

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.




KAMIS AWANG, Ph.D,  
Profesor Madya  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 13 JUL 2000

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.



(Aziah bt. Ismail )

Tarikh : 1 Jun 2000

## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>DEDIKASI .....</b>	<b>2</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>3</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>5</b>
<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>7</b>
<b>LEMBARAN PENGESAHAN .....</b>	<b>9</b>
<b>PERNYATAAN KEASLIAN .....</b>	<b>11</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>15</b>
<b>SENARAI RAJAH .....</b>	<b>16</b>
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	<b>17</b>

### BAB

<b>I PENDAHULUAN .....</b>	<b>18</b>
Latar Belakang Kajian .....	18
Sejarah Tulisan Jawi .....	18
Tulisan Jawi di Kalangan Masyarakat Malaysia .....	21
Tulisan Jawi di Universiti Putra Malaysia .....	24
Pernyataan Masalah .....	29
Soalan - Soalan Kajian .....	34
Kepentingan Kajian .....	34
Objektif Kajian .....	38
Batasan Kajian .....	39
Definisi Operasional .....	41
Penguasaan Tulisan Jawi .....	41
Pelajar UPM .....	49
<b>II SOROTAN LITERATUR .....</b>	<b>44</b>
Penulisan Awal tentang Sistem Ejaan Jawi.....	44
Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan .....	49
Kekeliruan dalam Sistem Ejaan Jawi .....	55
Kajian tentang Penguasaan Tulisan Jawi .....	60
Teori yang Berkaitan dengan Kajian .....	69
<b>III METODOLOGI KAJIAN</b>	
Kaedah Kajian .....	78
Kaedah Perpustakaan .....	78
Kaedah Lapangan .....	79
Kerangka Teori .....	79
Kerangka Konsepsi .....	84
Tempat Kajian .....	84
Populasi dan Persampelan .....	85

Subjek Kajian .....	86
Pendekatan Kajian .....	87
Alat Kajian .....	88
Tata Cara Kajian .....	94
Penganalisisan Data .....	96
<b>IV KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>99</b>
Persembahan dan Dapatan .....	99
Objektif I: Penguasaan Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengeja .....	99
Objektif II : Mengesan dan Menganalisis Jenis-jenis Kesalahan .....	107
Objektif III : Penguasaan Tulisan Jawi .....	118
Objektif IV : Huraian Kesalahan Ejaan Jawi Berdasarkan SEJYD .....	123
Perbincangan .....	164
Penguasaan Tulisan Jawi Berdasarkan Kemahiran .....	164
Penguasaan Berdasarkan Latar Belakang .....	167
Analisis Jenis-jenis Kesalahan Ejaan Jawi .....	169
Huraian Kesalahan Ejaan Berdasarkan Pendekatan Filologi serta Teori Carney .....	171
Faktor-faktor Kesalahan Ejaan Jawi .....	171
Perkaitan Ejaan Jawi SEJYD dengan Teori Carney dan Pendekatan Filologi .....	175
<b>V RUMUSAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>185</b>
Rumusan .....	185
Cadangan .....	187
Cadangan Kajian Lanjutan .....	190
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>193</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
A Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan .....	197
B Huraian Sukatan Pelajaran Jawi .....	225
C Pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia Januari 1992 .....	232
D Jadual Rawak .....	234
E Sukatan Bahasa Melayu Diploma Perguruan Malaysia .....	241
F1 Ujian Kemahiran Tulisan Jawi .....	243
F2 Ujian Menulis ( Mencantum Huruf-Huruf Jawi ) dan ( Mentransliterasi Rumi ke Jawi ) .....	245

<b>F3 Ujian Mengeja SEJYD .....</b>	<b>246</b>
<b>F4 Borang Soal Selidik .....</b>	<b>249</b>
<b>G Kekerapan Kesalahan Ejaan Jawi Mengikut Kumpulan Responden .....</b>	<b>254</b>
<b>H Taburan Kekerapan Prestasi Pencapaian Responden Berdasarkan Gred .....</b>	<b>258</b>
<b>I Jadual Kekerapan Kesalahan Ejaan Berdasarkan Hukum-Hukum SEJYD .....</b>	<b>260</b>
<b>BIODATA PENULIS .....</b>	<b>263</b>

## SENARAI JADUAL

### Muka Surat

<b>Jadual 1</b>	<b>Taburan Markat Ujian Jawi I ( Kemahiran Membaca ) Responden .....</b>	<b>100</b>
<b>Jadual 2</b>	<b>Taburan Markat Kemahiran Menulis ( Mencantum Huruf - Huruf Jawi ) .....</b>	<b>102</b>
<b>Jadual 3</b>	<b>Taburan Markat Kemahiran Menulis ( Rumi ke Jawi ) .....</b>	<b>103</b>
<b>Jadual 4</b>	<b>Taburan Markat Kemahiran Mengeja Jawi .....</b>	<b>105</b>
<b>Jadual 5</b>	<b>Kekerapan Kesalahan Ejaan Jawi Kumpulan Responden Kedua .....</b>	<b>111</b>
<b>Jadual 6</b>	<b>Kekerapan Kesalahan Ejaan Jawi .....</b>	<b>116</b>
<b>Jadual 7</b>	<b>Kekerapan Kesalahan Mengeja Perkataan Eka Suku Kata .....</b>	<b>124</b>
<b>Jadual 8</b>	<b>Kekerapan Kesalahan Pengejaan Dwi Suku Kata .....</b>	<b>127</b>
<b>Jadual 9</b>	<b>Kekerapan Kasalahan Pengejaan Kata Ganda .....</b>	<b>143</b>
<b>Jadual 10</b>	<b>Kekerapan Kesalahan Pengejaan Homograf .....</b>	<b>147</b>
<b>Jadual 11</b>	<b>Kekerapan Kesalahan Pengejaan Kata Pinjaman Bahasa Arab .....</b>	<b>152</b>
<b>Jadual 12</b>	<b>Kekerapan Kesalahan Pengejaan Partikel .....</b>	<b>156</b>
<b>Jadual 13</b>	<b>Kekerapan Kesalahan Pengejaan Perkataan Berimbuhan .....</b>	<b>161</b>
<b>Jadual 14</b>	<b>Perkataan Terpilih Untuk Perbincangan Teori .....</b>	<b>176</b>
<b>Jadual 15</b>	<b>Perkataan Terpilih Yang Dikaitkan Dengan Teori .....</b>	<b>183</b>

## **SENARAI RAJAH**

### **Muka Surat**

<b>Rajah 1</b>	<b>Sistem Ejaan Jawi Bahasa Melayu yang Menerima Pengaruh Arab dan Melayu .....</b>	<b>47</b>
<b>Rajah 2</b>	<b>Ejaan Jawi Mengikut Suku Kata .....</b>	<b>52</b>
<b>Rajah 3</b>	<b>Kerangka Teori .....</b>	<b>83</b>
<b>Rajah 4</b>	<b>Kerangka Teori yang telah diubah suai dengan Sistem Ejaan Jawi Bahasa Melayu .....</b>	<b>84</b>
<b>Rajah 5</b>	<b>Taburan Populasi dan Responden Kajian .....</b>	<b>85</b>
<b>Rajah 6</b>	<b>Taburan Responden Mengikut Latar Belakang Tulisan Jawi .....</b>	<b>86</b>
<b>Rajah 7</b>	<b>Peraturan Memberi Markah .....</b>	<b>91</b>
<b>Rajah 8</b>	<b>Kajian Rintis .....</b>	<b>93</b>
<b>Rajah 9</b>	<b>Tatacara Kajian .....</b>	<b>95</b>
<b>Rajah 10</b>	<b>Kerangka Konsepsi .....</b>	<b>98</b>

## SENARAI SINGKATAN

DERJ	Daftar Ejaan Rumi Jawi
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
EJS	Ejaan Jawi Yang Disempurnakan
IPSI	Institut Perguruan Sultan Idris
KKG	Kekecualian Kaf Ga
KPBA	Kata Pinjaman Bahasa Arab
KPBI	Kata Pinjaman Bahasa Inggeris
KV	Kependekan Vokal
KVK	Konsonan Vokal Konsonan
KVKV	Konsonan Vokal Konsonan Vokal
MP	Maktab Perguruan
PEJBM	Pedoman Ejaan Jawi Bahasa Melayu
PEJYD	Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan
Pk.diuji	Perkataan diuji
PKV	Proses Kependekan Vokal
PTF	Pendidikan Tidak Formal
R/Resp	Responden
SEJYD	Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan
SFR	Stress Frontshift Rules
SKT	Suku Kata Tertutup
SP	Sisihan Piawai
SPSS	Statistical Packages For The Social Sciences
SRSM	Sekolah Rendah Sekolah Menengah
UPM	Universiti Putra Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

#### Latar Belakang Sejarah Tulisan Jawi

Tulisan Jawi telah digunakan oleh masyarakat Melayu seiring dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu pada abad ke 13. Berdasarkan penemuan Batu Bersurat di Sungai Teresat, Kuala Berang, Terengganu yang bertarikh 702 Hijrah bersamaan T.M. 1303, dapatlah dipastikan bahawa tulisan Jawi telah wujud sejak awal abad ke 14 ataupun lebih awal daripada itu (S.M.N. al-Attas, 1988:1). Tulisan Jawi juga turut digunakan dengan banyak pada tinggalan lama seperti ukiran pada perhiasan, tulisan pada wang, barang logam dan manuskrip yang berbentuk kitab-kitab agama, risalah termasuk surat-surat perjanjian dengan negara luar.

Kegemilangan tulisan Jawi seiring dengan perkembangan bahasa Melayu yang semakin pesat sehingga berjaya menjadi bahasa lingua-franca di Kepulauan Melayu pada abad ke 15 dan 16. Kerajaan-kerajaan kesultanan Aceh, Serdang, Langkat, Deli, Tanjung Pura, Siak, Jambi, Riau, Linggi, Palembang dan lain-lain menggunakan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi. Bukti penggunaan tulisan Jawi

boleh dilihat pada beberapa surat izin bemiaga, antaranya daripada Sultan Aceh kepada Sir James Lancaster (1601 M), daripada Sultan Alaudin Shah, Raja Aceh kepada Henry Middleton pada tahun 1609 M (Hashim Musa, 1995:47).

Walau bagaimanapun, apabila British menjajah dunia Melayu pada abad ke 16, tulisan Jawi mula mendapatkan saingen daripada tulisan Rumi. Tulisan Rumi diperkenalkan dalam pelbagai urusan pentadbiran dan pendidikan secara meluas menggantikan tulisan Jawi. Tulisan Jawi diketepikan dan keadaan ini berterusan sehingga ke abad 20. Biarpun demikian, pendidikan Jawi tidaklah terus mati. Pelaksanaan pendidikan Jawi tetap dijalankan tetapi hanya di sekolah pondok dan kelas-kelas al-Quran. Ini berlaku pada sekitar awal abad ke 20. Menurut R.J. Wilkinson (1915:47), Jawi diajar dalam kelas-kelas al-Quran secara tidak formal ini menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional yang mencakupi mengenal huruf, mengulang dan menghafal. Kaedah tradisional pemah dinyatakan oleh Za'ba (1949:13) berpandukan ejaan Jawi yang digunakan dalam kamus Wilkinson 1902 dan Winstedt 1915 berdasarkan pemakaian huruf-huruf saksi supaya menyenangkan orang-orang membacanya.

Kaedah tradisional ini digunakan sehingga pihak orientalis memperkenalkan cara belajar tulisan Rumi di kelas-kelas formal, ketika itu tulisan Rumi dan Jawi dipelajari serentak (Awang Had Salleh 1984, Hamdan Abd, Raman 1993 dan Razak Hamid 1993)

Menurut Amat Juhari Moain (1996: 112), apabila sistem persekolahan Barat diperkenalkan dalam masyarakat Melayu, pendidikan Jawi masih diteruskan. Jangkamasa untuk menguasai Jawi cukup cepat kerana pada masa itu, tulisan Jawi menjadi tulisan rasmi bahasa Melayu tanpa diganggu gugat oleh tulisan lain. Walau bagaimanapun, peranan tulisan Jawi berkurangan kerana selepas Perang Dunia Kedua, sekolah-sekolah Melayu dihapuskan dan diganti dengan sekolah umum dan kemudian sekolah kebangsaan. Faktor yang menyebabkan kurangnya penggunaan tulisan Jawi di sekolah ketika itu antaranya ialah faktor sejarah, pengaruh, dan peranan tulisan Rumi. Dalam dasar bahasa negara Malaysia, kerajaan telah menggubal undang-undang, sebagaimana yang termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Dalam akta tersebut, dinyatakan bahawa:

Tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi:  
Dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu, yang dikenali dengan nama tulisan Jawi, bagi bahasa kebangsaan.

Perubahan dasar ini menghasilkan sistem pendidikan yang mengabaikan tulisan Jawi. Berdasarkan Akta Bahasa 1963, Kementerian Pendidikan tidak lagi memberi penekanan terhadap tulisan Jawi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa serta penggunaan rasmi (Amat Juhari Moain 1991; Abdul Hamid Othman 1991). Kedua-dua arahan Kementerian Pendidikan yang membenarkan penerbit mencetak semula buku agama dalam tulisan Rumi menyebabkan tulisan Jawi semakin memudar di semua peringkat pendidikan.

## **Latar Belakang Tulisan Jawi di Kalangan Masyarakat Malaysia**

Menurut Laporan Kaji Selidik Maklumat Bahasa Malaysia (1988: 107), penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Malaysia adalah di peringkat lemah. Lebih kurang 92 peratus responden tidak mempunyai pengetahuan tentang Jawi. Sejak awal tahun 1980-an, kebimbangan mengenai nasib tulisan Jawi telah mula diperkatakan. Para pencinta Jawi mula menyedari bahawa langkah-langkah positif perlu diambil segera demi mendaulatkan kembali tulisan tersebut.

Penguasaan tulisan Jawi di kalangan pelajar semakin merosot. Keadaan ini terjadi kerana berkurangnya guru-guru mahir justeru guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam dipertanggungjawabkan mengajar Jawi sebagai mata pelajaran sampingan. Jawi semakin ketinggalan apabila bahan-bahan penerbitan seperti buku rujukan, majalah dan akhbar dicetak pula dengan tulisan Rumi secara meluas bagi memenuhi kehendak pasaran. Akibatnya, lahirlah masyarakat Islam yang buta Jawi.

Menurut Aminah Harun (1985: 666), satu Jawatankuasa Kerja Penyemakan Ejaan Jawi DBP yang dianggotai oleh pensyarah universiti dan wakil-wakil Kementerian Pendidikan yang mahir Jawi telah dibentuk. Mereka terdiri daripada Hamdan Abd. Rahman, Amat Juhari Moain, Muhd Bukhari Lubis, Abd. Razak Abd. Hamid, Arbak Othman, dan Awang Mohd Amin. Hasil penyemakan semula sistem ejaan Jawi yang dibengkelkan bersama jawatankuasa tersebut

dalam Konvensyen Tulisan Jawi 1984, dua buah buku telah diterbitkan oleh pihak DBP iaitu Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (1986) dan Daftar Ejaan Rumi Jawi (1988).

Konvensyen demi konvensyen terus diadakan dengan tujuan mencari langkah memartabatkan semula tulisan Jawi. Antara konvensyen tersebut adalah seperti yang berikut:

- i. Konvensyen Tulisan Jawi, Kuala Terengganu anjuran Yayasan Islam Terengganu dengan Kerjasama DBP (9-11 April 1984).
- ii. Konvensyen Tulisan Jawi, Kuala Lumpur anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (6-8 Nov 1991).
- iii. Seminar Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri UUM (11 - 12 Nov 1993).
- iv. Seminar Tulisan Jawi anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) Pusat Islam Kuala Lumpur (4 Sept. 1995).
- v. Seminar Penghayatan Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan, anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri , Pusat Islam Kuala Lumpur (13 Dis.1996).
- vi. Seminar Penghayatan Tulisan Jawi Dalam Pendidikan, IPSI anjuran IPSI, Utusan Melayu, Bank Rakyat, Penjawim dan Perpustakaan Negara Malaysia (6-8 Mac 1997).

Dalam bidang pendidikan, tulisan Jawi mula mendapat perhatian yang lebih baik. Pelajaran Jawi mula diajar di sekolah menengah. Sejak 1986-1993, pelajaran Jawi dalam pendidikan rendah dan menengah menggunakan sistem ejaan berdasarkan buku PEJYD (Ismail Dahaman : 1992). Sebelum 1986, sistem ejaan Za'ba telah digunakan di sekolah-sekolah (Pekeliling Kementerian, Januari 1992).

Dalam perancangan awal Kurikulum Baru Sekolah Rendah 1982, pelajaran Jawi merupakan sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu. Namun, perancangan tersebut tidak dilaksanakan, sebaliknya Jawi diserap dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang diperuntukkan 180 minit seminggu. Masa tambahan sebanyak 30 minit bagi mata pelajaran Pendidikan Islam pada tahun 3 dikhatususkan untuk pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi

Daripada maklum balas yang diterima oleh Kementerian Pendidikan, dapatan-dapatan daripada pengenalan pelajaran Jawi antara tahun 1985 hingga 1990 menunjukkan bahawa pencapaian pelajaran Jawi murid Tahun 4 dan 5 kurang memuaskan. Hasilnya, Jawatankuasa KBSR-KBSM memutuskan bahawa pelajaran Jawi wajib diajar kepada murid Tahun 1 mulai Disember 1990 ( Baharudin Harun 1997 : 1-5 ).

Di peringkat sekolah menengah, pelajaran Jawi diserapkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Buku teks pendidikan Islam KBSM ditulis mengikut ejaan Jawi baru (PEJYD). Dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah